

**PENILAIAN KURSUS KEFAHAMAN ISLAM
BERSEPADU DI INSTITUT LATIHAN
DAN KEFAHAMAN ISLAM ATM**

MOHD RASHIDI BIN BUJAI

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN ISLAM**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2015

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menilai Kursus Kefahaman Islam Bersepadu yang dilaksanakan di Institut Latihan dan Kefahaman Islam ATM. Kursus ini merupakan satu kursus fungsional yang dilaksanakan di Institut Latihan dan Kefahaman Islam ATM yang melibatkan semua peringkat anggota ATM. Kajian ini menggunakan Model Penilaian CIPP untuk menilai pelaksanaannya melalui pendekatan kuantitatif. Seramai 340 orang pelatih yang pernah menghadiri Kursus Kefahaman Islam Bersepadu telah dipilih secara rawak berstruktur untuk menjawab borang soal selidik. Data kajian telah dianalisis secara deskriptif untuk mendapatkan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Data kajian juga dianalisis secara inferensi untuk mendapatkan t-Test, ANOVA dan Korelasi Pearson. Dapatan kajian pada keseluruhannya menunjukkan pelaksanaan Kursus Kefahaman Islam Bersepadu berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatan elemen yang dinilai pada input, proses dan produk juga berada pada tahap sederhana tinggi. Analisis inferensi menunjukkan terdapat perbezaan signifikan pada pencapaian pelatih Kursus Kefahaman Islam Bersepadu berdasarkan kategori pangkat dan tempoh lama berkhidmat. Analisis korelasi pula menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara penilaian input dengan pencapaian pelatih dan antara penilaian proses dengan pencapaian pelatih. Kajian ini membawa kepada implikasi perubahan inkremental dalam keseluruhan elemen penilaian input, proses dan produk kecuali dua elemen dalam penilaian produk sahaja iaitu Tarbiyah Nafsiyah (Pendidikan Mental) dan Tarbiyah Ijtimaiyyah (Pendidikan Kemasyarakatan) yang hanya memerlukan kepada perubahan homeostatik. Penilaian terhadap pelaksanaan Kursus Kefahaman Islam Bersepadu yang dilaksanakan di Institut Latihan dan Kefahaman Islam ATM telah memberi kesan yang positif terhadap pembelajaran dan pengajaran serta dapat memperbaiki sistem latihan yang telah sedia ada.

**THE EVALUATION OF INTEGRATED ISLAMIC UNDERSTANDING COURSE
AT THE INSTITUTE OF TRAINING AND ISLAMIC UNDERSTANDING
MALAYSIAN ARMED FORCES**

ABSTRACT

This study aimed to evaluate the Integrated Islamic Understanding Course at the Institute of Training and Islamic Understanding Malaysian Armed Forces. This course is one of the functional courses held in the Islamic Understanding and Training Institute of the Malaysian Armed Forces and involving all levels of Malaysian Armed Forces personnel. This study uses CIPP Evaluation Model to assess its implementation through a quantitative approach. A total of 340 trainees who have attended Integrated Islamic Understanding Course that was randomly selected to answer a structured questionnaire. Besides, data were analyzed using descriptive to get the frequency, percentage, mean and standard deviation. Data were analyzed using inferential to get t-test, ANOVA and Pearson Correlation. The overall findings show that the implementation of the Integrated Islamic Understanding Course are moderately high. The results are assessed on the input elements, processes and products that are also moderately high. Inferential analysis shows a significant difference in achievement of trainees of Integrated Islamic Understanding Course based on their rank categories and their length of services. Correlation analysis shows a significant relationship between input ratings and trainees achievement and between the assessment process and the achievement of trainees. This study led to the implication of incremental changes in the overall assessment element input, process and product unless the two elements in the assessment of the product; Tarbiyah Nafsiyah (Mental Education) and Tarbiyah Ijtimaiyyah (Community Education), which only need the homeostatic change. The evaluation of the implementation for Integrated Islamic Understanding Course that was held at the Institute of Training and Islamic Understanding Malaysian Armed Forces has given a positive impact on learning and teaching and at the same time can improve the current training system that is already available.

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xviii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang kajian	5
1.3 Pernyataan masalah	12
1.4 Kerangka konseptual kajian	18
1.5 Objektif kajian	24
1.6 Soalan kajian	25
1.7 Hipotesis kajian	27
1.8 Kepentingan kajian	28
1.9 Batasan Kajian	30

1.10	Definisi operasional	31
1.10.1	Penilaian	31
1.10.2	Kursus Kefahaman Islam Bersepadu (KKIB)	32
1.10.3	Angkatan Tentera Malaysia	32
1.10.4	Institut Latihan dan Kefahaman Islam ATM (ILMI)	33
1.11	Penutup	33
 BAB 2 TINJAUAN LITERATUR		
2.1	Pengenalan	34
2.2	Sejarah Angkatan Tentera Malaysia	35
2.3	Sejarah Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia (KAGAT)	40
2.3.1	Tranformasi Angkatan Tentera Malaysia	42
2.3.2	Matlamat,Objektif, Visi dan Misi KAGAT	43
2.4	Institut Latihan dan Kefahaman Islam ATM (ILMI)	46
2.4.1	Konsep Pendidikan ILMI	47
2.4.2	Objektif Latihan ILMI	49
2.5	Pendidikan Ketenteraan	51
2.5.1	Persiapan Spiritual	54
2.5.2	Persiapan Intelektual	57
2.5.3	Persiapan Mental	58
2.5.4	Persiapan Fizikal	59
2.5.5	Persiapan Material	60

2.5.6	Persiapan Sosial	61
2.6	Model-Model Penilaian Kurikulum	62
2.7	Kursus Kefahaman Islam Bersepadu (KKIB)	76
2.8	Kajian-kajian yang lepas	
2.8.1	Model Penilaian Stufflebeam (CIPP)	78
2.8.2	Pendidikan dan kefahaman Islam bagi anggota ATM	83
2.9	Penutup	86

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	87
3.2	Reka Bentuk Kajian	87
3.3	Lokasi Kajian	89
3.4	Populasi Kajian	90
3.5	Sampel dan Kaedah Persampelan	90
3.6	Instrumen Kajian	92
3.7	Kesahan Instrumen Kajian	99
3.8	Kajian Rintis	101
3.9	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	102
3.10	Kaedah Penganalisisan Data	105
3.11	Tatacara Analisis Data	106
3.12	Penutup	111

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	112
4.2	Profil Responden Kajian	113
4.3	Analisis Deskriptif	
4.3.1	Penilaian Input	
4.3.1.1	Kandungan Kurikulum	117
4.3.1.2	Jurulatih	120
4.3.1.3	Kemudahan Prasarana	122
4.3.1.4	Peruntukan Jadual dan Masa	124
4.3.2	Penilaian Proses	
4.3.2.1	Tarbiyah Ruhiah (Pendidikan Spiritual)	127
4.3.2.2	Tarbiyah Fikriyah (Pendidikan Intelektual)	130
4.3.2.3	Tarbiyah Nafsiyah (Pendidikan Mental)	133
4.3.2.4	Tarbiyah Badaniyyah (Pendidikan Fizikal)	135
4.3.2.5	Tarbiyah Ijtimaiyyah (Pendidikan Kemasyarakatan)	137
4.3.3	Penilaian Produk	
4.3.3.1	Tarbiyah Ruhiah (Pendidikan Spiritual)	141
4.3.3.2	Tarbiyah Fikriyah (Pendidikan Intelektual)	144
4.3.3.3	Tarbiyah Nafsiyah (Pendidikan Mental)	146
4.3.3.4	Tarbiyah Badaniyyah (Pendidikan Fizikal)	149
4.3.3.5	Tarbiyah Ijtimaiyyah (Pendidikan Kemasyarakatan)	152

4.4 Analisis Statistik Inferensi

4.4.1 Analisis Perbezaan

4.4.1.1 Analisis Perbezaan Berdasarkan Demografi

4.4.1.1.1 Perbezaan skor min pencapaian pendidikan Islam pelatih berdasarkan jantina 157

4.4.1.1.2 Perbezaan skor min pencapaian pendidikan Islam pelatih berdasarkan kategori pangkat 158

4.4.1.1.3 Perbezaan skor min pencapaian pendidikan Islam pelatih berdasarkan kelayakan tertinggi 159

4.4.1.1.4 Perbezaan skor min pencapaian pendidikan Islam pelatih berdasarkan status perkahwinan 160

4.4.1.1.5 Perbezaan skor min pencapaian pendidikan Islam pelatih berdasarkan perkhidmatan ATM 161

4.4.1.1.6 Perbezaan skor min pencapaian pendidikan Islam pelatih berdasarkan tempoh lama berkhidmat 162

4.4.2 Analisis Hubungan

4.4.2.1 Hubungan antara penilaian input dengan pencapaian pelatih 164

4.4.2.2 Hubungan antara penilaian proses dengan pencapaian pelatih 165

4.4.2.3 Hubungan antara keseluruhan input dan proses dengan pencapaian pelatih 167

4.5 Penutup 168

BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	169
5.2	Ringkasan Kajian	170
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	
5.3.1	Latar Belakang Responden	172
5.3.2	Analisis Deskriptif	
5.3.2.1	Penilaian Input	175
	5.3.2.1.1Kandungan Kurikulum	176
	5.3.2.1.2 Jurulatih	178
	5.3.2.1.3 Kemudahan Prasarana	180
	5.3.2.1.4 Peruntukan Jadual dan Masa	182
5.3.2.2	Penilaian Proses	
	5.3.2.2.1 Tarbiyah Ruhiyah (Pendidikan Spiritual)	183
	5.3.2.2.2 Tarbiyah Fikriyah (Pendidikan Intelektual)	185
	5.3.2.2.3 Tarbiyah Nafsiyah (Pendidikan Mental)	186
	5.3.2.2.4 Tarbiyah Badaniyyah (Pendidikan Fizikal)	188
	5.3.2.2.5 Tarbiyah Ijtimaiyyah (Pendidikan Kemasyarakatan)	189
	5.3.2.3 Penilaian Produk	
	5.3.2.3.1 Tarbiyah Ruhiyah (Pendidikan Spiritual)	191

5.3.2.3.2	Tarbiyah Fikriyah (Pendidikan Intelektual)	193
5.3.2.3.3	Tarbiyah Nafsiyah (Pendidikan Mental)	195
5.3.2.3.4	Tarbiyah Badaniyyah (Pendidikan Fizikal)	197
5.3.2.3.5	Tarbiyah Ijtimaiyyah (Pendidikan Kemasyarakatan)	199
5.3.3	Analisis Inferensi	
5.3.3.1	Analisis Perbezaan	201
5.3.3.2	Analisis Hubungan	204
5.3.3.2.1	Hubungan antara penilaian input dengan pencapaian pelatih	205
5.3.3.2.2	Hubungan antara penilaian proses dengan pencapaian pelatih	207
5.4	Kesimpulan Dapatan Kajian	
5.4.1	Rumusan Penilaian Input	
5.4.1.1	Kandungan Kurikulum	213
5.4.1.2	Jurulatih	214
5.4.1.3	Kemudahan Prasarana	214
5.4.1.4	Peruntukan Jadual dan Masa	215
5.4.2	Rumusan Penilaian Proses	
5.4.2.1	Tarbiyah Ruhiah (Pendidikan Spiritual)	216
5.4.2.2	Tarbiyah Fikriyah (Pendidikan Intelektual)	217
5.4.2.3	Tarbiyah Nafsiyah (Pendidikan Mental)	218

5.4.2.4	Tarbiyah Badaniyyah (Pendidikan Fizikal)	219
5.4.2.5	Tarbiyah Ijtimaiyyah(Pendidikan Kemasyarakatan)	220
5.4.3	Rumusan Penilaian Produk	
5.4.3.1	Tarbiyah Ruhiah (Pendidikan Spiritual)	221
5.4.3.2	Tarbiyah Fikriyah (Pendidikan Intelektual)	223
5.4.3.3	Tarbiyah Nafsiyah (Pendidikan Mental)	224
5.4.3.4	Tarbiyah Badaniyyah (Pendidikan Fizikal)	224
5.4.3.5	Tarbiyah Ijtimaiyyah(Pendidikan Kemasyarakatan)	226
5.4.4	Rumusan Keseluruhan Penilaian CIPP	227
5.4.5	Cadangan Pelaksanaan P&P KKIB	228
5.4.6	Cadangan Pelaksanaan KKIB	230
5.5	Implikasi Kajian	
5.5.1	Implikasi Penilaian Input	
5.5.1.1	Implikasi Kandungan Kurikulum	232
5.5.1.2	Implikasi Jurulatih	233
5.5.1.3	Implikasi Kemudahan Prasarana	234
5.5.1.4	Implikasi Peruntukan Jadual dan Masa	234
5.5.2	Implikasi Penilaian Proses	
5.5.2.1	Tarbiyah Ruhiah (Pendidikan Spiritual)	235
5.5.2.2	Tarbiyah Fikriyah (Pendidikan Intelektual)	236
5.5.2.3	Tarbiyah Nafsiyah (Pendidikan Mental)	236
5.5.2.4	Tarbiyah Badaniyyah (Pendidikan Fizikal)	237


5.5.2.5	Tarbiyah Ijtimaiyyah(Pendidikan Kemasyarakatan)	238
5.5.3	Implikasi Penilaian Produk	
5.5.3.1	Tarbiyah Nafsiyah (Pendidikan Mental)	239
5.5.3.2	Tarbiyah Ijtimaiyyah(Pendidikan Kemasyarakatan)	239
5.5.3.3	Tarbiyah Ruhiyah (Pendidikan Spiritual)	240
5.5.3.4	Tarbiyah Badaniyyah (Pendidikan Fizikal)	241
5.5.3.5	Tarbiyah Fikriyah (Pendidikan Intelektual)	242
5.6	Cadangan	
5.6.1	Cadangan Kepada Markas Angkatan Tentera Malaysia	243
5.6.2	Cadangan Kepada Jabatan Arah KAGAT	245
5.6.3	Cadangan Kepada Pihak Pengurusan ILMI	247
5.6.4	Cadangan Penyelidikan Lanjutan	248
5.7	Penutup	250
	RUJUKAN	251
	LAMPIRAN	
Lampiran A	Soal Selidik Anggota ATM	
Lampiran B	Surat Pengesahan Pakar Kesahan Kandungan Soal Selidik	
Lampiran C	Senarai Nama Pakar Kesahan Kandungan Soal Selidik	
Lampiran D	Senarai Nama Jawatan kuasa Pereka bentuk Rancangan Pengurusan KKIB	
Lampiran E	Profil Kursus Kefahaman Islam Bersepadu (KKIB)	
Lampiran F	Silibus Terperinci KKIB	
Lampiran G	Jadual Penetapan Saiz Sampel Morgan	

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
3.1 Jumlah responden bagi penilaian KKIB	92
3.2 Soalan kajian dan pembahagian instrumen kepada responden dalam komponen CIPP	93
3.3 Skala Likert Lima Mata dan interpretasi komponen penilaian CIPP	95
3.4 Instrumen pelatih bahagian I	96
3.5 Item penilaian input	97
3.6 Item penilaian proses	98
3.7 Item penilaian produk	98
3.8 Nilai factor loading bagi soal selidik	101
3.9 Klasifikasi indeks kebolehpercayaan	103
3.10 Nilai pekali kebolehpercayaan Alpha Cronbach	104
3.11 Interpretasi min dimensi tingkah laku afektif	108
3.12 Gandingan interpretasi min Nunally (1978) dan bentuk perubahan Stufflebeam et.al. (2007)	109
3.13 Nilai pekali korelasi	111
4.1 Profil pelatih ILMI	116
4.2 Kandungan kurikulum	118
4.3 Jurulatih	120
4.4 Kemudahan Prasarana	122
4.5 Peruntukan Jadual Dan Masa	124
4.6 Keseluruhan input	126

4.7	Tarbiyah Ruhiah (Pendidikan Spiritual)	128
4.8	Tarbiyah Fikriyah (Pendidikan Intelektual)	131
4.9	Tarbiyah Nafsiyah (Pendidikan Mental)	133
4.10	Tarbiyah Badaniyyah (Pendidikan Fizikal)	135
4.11	Tarbiyah Ijtimaiyyah (Pendidikan Kemasyarakatan)	137
4.12	Keseluruhan Proses	139
4.13	Tarbiyah Ruhiah (Pendidikan Spiritual)	141
4.14	Tarbiyah Fikriyah (Pendidikan Intelektual)	145
4.15	Tarbiyah Nafsiyah (Pendidikan Mental)	147
4.16	Tarbiyah Badaniyyah (Pendidikan Fizikal)	150
4.17	Tarbiyah Ijtimaiyyah (Pendidikan Kemasyarakatan)	152
4.18	Keseluruhan Produk	154
4.19	Perbezaan Penilaian input, proses dan produk	155
4.20	Ujian-t perbezaan pencapaian pelatih KKIB berdasarkan jantina	157
4.21	Ujian-t perbezaan pelatih KKIB berdasarkan kategori pangkat	158
4.22	Anova Sehal pencapaian pelatih KKIB berdasarkan kelayakan tertinggi	159
4.23	Anova Sehal pencapaian pelatih KKIB berdasarkan status perkahwinan	160
4.24	Anova Sehal pencapaian pelatih KKIB berdasarkan perkhidmatan ATM	161
4.25	Anova Sehal pencapaian pelatih KKIB berdasarkan tempoh lama berkhidmat	162

4.26	Ujian Post Hoc Scheffe tahap pencapaian pelatih KKIB berdasarkan tempoh lama berkhidmat	163
4.27	Korelasi antara penilaian input dengan pencapaian pelatih	164
4.28	Korelasi antara penilaian proses dengan pencapaian pelatih	166
4.29	Korelasi antara keseluruhan input, proses dan pencapaian pelatih	167



SENARAI RAJAH

Rajah	Tajuk	Muka surat
1.1	Model CIPP (Stufflebeam 2003)	19
1.2	Kerangka konseptual kajian yang diubahsuai dari model CIPP (Stufflebeam 2003)	23
2.1	Model CIPP	72
5.1	Cadangan pelaksanaan P&P Kursus Kefahaman Islam Bersepadu	229
5.2	Cadangan pelaksanaan Kursus Kefahaman Islam Bersepadu	231

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bidang ketenteraan merupakan profesion yang mulia dan disanjung tinggi dalam Islam. Ianya dianggap sebagai satu profesion yang menjaga ketinggian agama dan kedaulatan negara serta berperanan sebagai satu agensi terpenting dalam sebuah negara. Apabila sesebuah negara memiliki sistem pertahanan yang kuat maka ia akan digeruni dan dihormati. Al-Mawardi (1960) menyebutkan dalam *al-Ahkam al-Sultaniyyah* berkaitan aspek ketenteraan dan menghubungkannya dengan kepimpinan. Ia menyebutkan bahawa apabila sesebuah negara dalam keadaan darurat maka

pemimpin yang perlu dilantik adalah di kalangan tentera. Oleh yang demikian, tentera merupakan sekumpulan manusia yang mempunyai kemahiran dan kepakaran tertentu khususnya dalam taktik dan strategik peperangan. Mereka telah dipersiapkan untuk menentang musuh bagi mempertahankan keamanan dan kedaulatan negara. Dalam kitab suci al-Quran, terdapat beberapa ayat yang menyentuh tentang aspek ketenteraan dan peperangan. Bagi Zuhayli (1962), peperangan pada dasarnya adalah menghilangkan nyawa manusia tetapi dalam konteks jihad ianya dibenarkan untuk mempertahankan kesucian dan keagungan Islam. Di antara firman Allah dalam al-Quran yang menyentuh tentang ketenteraan;

وَقَاتِلُوهُمْ حَتَّى لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ الدِّينُ لِلَّهِ فَإِنْ أُنْتَهَوْا فَلَا عُدْوَانَ إِلَّا عَلَى الظَّالِمِينَ ﴿١٩٣﴾

Maksudnya: *“Dan pergilah mereka sehingga tidak ada lagi fitnah (sehingga) menjadilah agama itu semata-mata kerana Allah. Kemudian jika mereka berhenti maka tidaklah ada permusuhan melainkan terhadap orang yang zalim”.*

(Surah al-Baqarah 2:193)

Dalam surah yang lain Allah SWT berfirman:

كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِتَالُ وَهُوَ كُرْهُ لَكُمْ وَعَسَى أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ وَعَسَى أَنْ تُحِبُّوا شَيْئًا وَهُوَ شَرٌّ لَّكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٢١٦﴾

Maksudnya: “Kamu diwajibkan berperang untuk menentang (pencerobohan) sedangkan peperangan itu adalah perkara yang kamu benci dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu pada hal ia jahat (buruk) bagi kamu. Dan ingatlah Allah jualah yang mengetahui (sesuatu) sedangkan kamu tidak mengetahui”.

(Surah al-Baqarah 2:216)

Dalam usaha untuk mempersiapkan sebuah angkatan tentera yang berwibawa dan digeruni oleh musuh, Islam menyarankan agar umat Islam mempersiapkan segala kekuatan yang ada untuk menghadapi musuh. Ini digambarkan oleh Allah dalam firmanNya;

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ وَءَاخِرِينَ مِنْ دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ ۚ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تُظْلَمُونَ ﴿٦﴾

Maksudnya: “ *Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya, sedang Allah mengetahuinya dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu, dan kamu tidak akan dianiaya* ”.

(Surah al-Anfal 8: 60)

Syed Qutb (2000) menyatakan usaha membuat persediaan sedaya upaya merupakan suatu kewajiban yang berganding dengan kewajiban jihad. Ali Abdul Halim Mahmud (2001) menjelaskan bahawa Allah SWT memerintahkan hamba-hambaNya yang beriman agar mempersiapkan persiapan untuk berperang yang merupakan satu keperluan untuk menghilangkan permusuhan dan kejahatan, memelihara jiwa, mempromosikan kebenaran, keadilan dengan mengutamakan dua perkara berikut; mempersiapkan segala faktor yang dapat menghasilkan kekuatan dan menempatkan para pasukan berkuda diperbatasan atau sempadan negerinya. Ini bermaksud umat Islam mestilah mempunyai anggota tentera yang sentiasa siap siaga untuk membela dan melindungi kesuciannya. Yahya Bashir Hamad al-Battusy (2010) pula menjelaskan untuk elemen kekuatan dalam ketenteraan adalah dengan menyediakan satu angkatan tentera yang kuat dan melengkapkan mereka dengan segala kelengkapan yang diperlukan semasa operasi ketenteraan bagi menjamin kejayaan mereka, menyediakan peralatan senjata yang bersesuaian dan seimbang serta mampu menggerunkan musuh, menyediakan perancangan peperangan yang boleh dilaksanakan oleh setiap anggota untuk mencapai kemenangan dengan menghapuskan

musuh dan mengambil pendirian politik (*political stand*) selepas berakhirnya peperangan.

1.2 Latar belakang kajian

Terdapat tanggapan bahawa kekuatan sesebuah angkatan tentera adalah terletak kepada jumlah dan kuantiti serta kekuatan fizikal yang terbina. Ianya terdiri daripada faktor tubuh badan yang sihat, cekap, cekal dan disokong dengan peralatan peperangan yang terkini dan canggih. Namun mereka terlupa bahawa kekuatan spiritual juga adalah merupakan elemen yang amat penting selain daripada faktor-faktor tersebut. Menurut Syantut (2003) usaha membina anggota tentera yang berwibawa dan *versatile* mestilah melalui persiapan seperti berikut:

- i. Persiapan dari sudut spiritual.
- ii. Persiapan dari sudut intelektual.
- iii. Persiapan dari sudut mental.
- iv. Persiapan dari sudut fizikal.
- v. Persiapan dari sudut material.
- vi. Persiapan dari sudut sosial.

Semua persiapan di atas adalah lahir daripada proses pendidikan yang formal dan tidak formal yang akan membentuk keperibadian dan sikap anggota. Pendidikan

dalam Islam mempunyai kedudukan dan martabat yang suci dan tinggi. Ia merupakan suatu ibadat yang besar yang mana kedudukan dan kepentingan pendidikan ini digambarkan melalui ayat al-Quran yang pertama diturunkan kepada Baginda Rasulullah. Firman Allah SWT bermaksud:

“Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang mencipta (sekalian makhluk). Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku. Bacalah dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan.”

(Surah al-Alaq 96:1-4)

Ayat al-Quran ini mengandungi perintah yang menyuruh manusia mengenal Tuhan yang sebenar, memahami fenomena dan keadaan alam persekitaran sebagai tanda kewujudan dan kekuasaan Allah, memahami hakikat diri sendiri serta menghayatinya bahawa cara hidup yang terbaik adalah tergolong kepada mereka yang mempunyai pemantapan akidah, penguasaan ilmu dan pelaksanaan melalui amalan. Pendidikan Ketenteraan atau Tarbiyah Askariyah merupakan faktor kepada kekuatan sesebuah angkatan tentera. Jaminan keselamatan dan kedaulatan sesebuah negara terletak kepada keupayaan sesebuah negara menyediakan anggota tentera yang mempunyai kekuatan sehingga mampu menggerunkan musuh mereka. Kekuatan anggota tentera ini terletak kepada kekuatan pendidikan yang dilaksanakan. Bagi melahirkan anggota tentera yang hebat dan mampu melaksanakan tugasnya adalah dengan memberikan penekanan di dalam aspek pendidikan dan latihan. Hasil daripada

pendidikan dan latihan ini akan lahir anggota tentera yang *versatile* dan mampu menggalas tanggungjawabnya untuk menjaga keselamatan dan kedaulatan sesebuah negara.

Pembentukan sebuah angkatan yang kuat dan *versatile* bukanlah suatu perkara yang mudah. Sebaliknya ia memerlukan kepada perancangan yang lengkap, persiapan yang rapi dan komitmen yang jitu dalam semua aspek bukan sahaja aspek logistik dan persenjataan bahkan yang lebih penting dan utama adalah persiapan dari sudut pembangunan sumber manusia dan kerohanian. Justeru atas kesedaran tersebut Angkatan Tentera Malaysia telah menetapkan “*Anggota yang Berkualiti (Quality Personnel)*” adalah sebagai salah satu daripada lima pernyataan matlamat umum bagi Angkatan Tentera Malaysia. Keadaan ini tidak akan berlaku sekiranya aspek pendidikan dan latihan tidak dilaksanakan dengan baik dan bersistematik. Tujuan pendidikan dan latihan bagi anggota ATM adalah untuk memelihara darjah kecekapan dan keupayaan yang tinggi bagi membentuk satu angkatan yang mampu beroperasi di dalam mana-mana konflik dan berkeupayaan mengawal kedaulatan negara di dalam apa jua suasana dan keadaan operasi. Bagi memastikan anggota ATM yang sentiasa bersiap sedia di dalam menghadapi peperangan, pendidikan dan latihan kepada individu merupakan satu fungsi pemerintahan (command function) yang perlu diberi perhatian utama oleh semua peringkat pemerintahan ATM.

Syantut (2003) memberikan pandangan bahawa peranan pendidikan dan latihan adalah untuk mendidik individu tertentu ke arah suatu perubahan yang dikehendaki dengan memperkukuhkan pengetahuan dan kemahiran sesuai dengan tuntutan perkhidmatan, perubahan masyarakat dan globalisasi dunia. Ia amat perlu bagi memastikan peranan anggota tentera dilaksanakan dengan berkesan dan keselamatan negara akan terus terpelihara. Dalam suasana hari ini, aspek spiritual memainkan peranan penting sebagai suatu elemen pemangkin dalam melahirkan sumber manusia yang berkualiti. Kebenarannya telah diperakui bukan sahaja oleh masyarakat Islam bahkan oleh masyarakat bukan Islam. Sejarah ketenteraan lampau telah membuktikan bahawa unsur-unsur kejiwaan atau lebih dikenali dengan istilah spiritual mahupun kerohanian terbukti menjadi penggerak utama dalam melahirkan angkatan tentera yang *versatile*. Selaras dengan itu, ATM telah memahatkan nilai-nilai seperti kecemerlangan, integriti, semangat berpasukan, responsif, kerohanian dan jasmani untuk dijadikan nilai amalan seluruh anggotanya tanpa mengira batasan agama. Saidina Umar al Khattab pernah mengutuskan wasiat kepada Saad bin Waqqash dalam peperangan al-Qadisiyyah yang mana tentera Saad seramai 36,000 hampir buntu mendepani tentera musuh yang terlalu ramai yang mana jumlahnya seramai 120,000 orang tentera Parsi di bawah pimpinan Rustam. Khalifah Umar memberikan pedoman dan formula kemenangan yang unggul. Kembalikan rasa takwa yang kukuh kepada Allah dan akhirnya dapat membakar semangat tentera di bawah pimpinan Saad dan sekaligus memberi kemenangan yang luar biasa kepada tentera Islam ke atas gergasi Parsi (Muhammad Syaari Abdul Rahman, 2011).